

Ibu saudara ambil tanggungjawab uruskan kehidupan anak-anak OKU

Jora tabah pelihara tiga beradik

Oleh **TAUFIK SALIMIN**

KUCHING – Perasaan simpati dan tanggungjawab membuatkan seorang wanita tekad menjaga tiga anak saudaranya yang juga orang kelainan upaya (OKU) di Kampung Samariang Batu di sini sejak enam tahun lalu.

Jora Bakip, 66, berkata, biarpun tiga beradik itu bukanlah anak kandungnya, namun dia tetap bersemangat menjaga mereka dan memberi kasih sayang yang tidak berbelah bahagi.

Jora mula menjaga Mohamad Nasir Usop, 34, Siti Nordiana, 31, dan Ahmat Syukry Yahya, 29, selepas nenek yang menjaga tiga beradik itu meninggal dunia enam tahun lalu.

"Bapa mereka pula telah meninggal dunia lebih sepuluh tahun lalu manakala ibu tiga beradik itu terpaksa tinggal di tempat lain kerana masalah mental.

"Tiga beradik ini mempunyai masalah dari segi pembelajaran dan mereka juga gagal menguruskan diri dengan baik," katanya ketika ditemui semalam.

Beliau sebelum itu dikunjungi oleh Pengerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat



ABANG SHAMSHUDIN (tengah, baju kuning) merakamkan gambar bersama sukarelawan yang mengunjungi rumah tiga beradik OKU di Kampung Samariang Batu, Kuching semalam.

(JKM) negeri, Abang Shamsudin Abang Seruji bersama 20 sukarelawan yang hadir menghulurkan bantuan selain mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan rumah dihuni tiga beradik itu.

Berkongsi pengalaman menjaga anak saudaranya itu, beliau mengakui aguk lelah memandangkan tiga beradik itu ter-

lalu agresif.

Namun ujaninya, cabaran itu tidak sesekali mematahkan semangatnya untuk memikul tanggungjawab sebesar itu.

"Mohamad Nasir agak agresif dan beberapa kali memecahkan barang di dalam rumah. Siti Nordiana pula suka bermain air," ujaninya.



JORA (tengah) bersama Siti Nordiana (kiri) dan Mohamad Nasir Usop.

Jelasnya, di sebalik kesukaran hidup yang dilaluinya, dia tetap bersyukur apabila JKJ menyediakan bantuan sebanyak RM250 setiap bulan bagi membela nasib tiga beradik itu.

"Dengan bantuan ini dapatlah saya membeli barang keperluan dapur," katanya.